

Pembebasan Anwar ikut undang-undang: Dr M

BH - 3/9/2004 : 2 Perdana

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan Mahkamah Persekutuan semalam yang membenarkan rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan liwat menunjukkan Malaysia mengikut proses undang-undang.

Sambil menyatakan yang beliau 'agak terkejut' apabila dimaklumkan mengenai keputusan mahkamah itu, Dr Mahathir berkata: "Ini adalah keputusan mahkamah bahawa beliau tidak bersalah.

"Selama ini saya telah menjelaskan demikian kepada banyak orang yang sering meminta saya untuk mengasihani, baik hati dan membebaskan Anwar.

Hakikatnya ialah saya tidak mem-

punyai kuasa untuk berbuat demikian (membebaskan Anwar). Di Malaysia, kita mengikut proses undang-undang.

"Dalam kes ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri), mungkin jika saya diminta menyemaknya semula, saya boleh tetapi saya tidak boleh menyemak semula keputusan mahkamah," katanya pada sidang media di pejabatnya di ibu pejabat Petronas di sini atas permintaan media untuk beliau mengulas keputusan itu.

Pada sidang media itu, Dr Mahathir, yang juga Penasihat Petronas, ditemani isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan tiga anaknya Datin Paduka Marina, Datuk Mokhzani dan Datuk Mukhriz.

Dr Mahathir, yang memecat Anwar sebagai timbalannya enam tahun

lalu atas tuduhan salah laku seksual, menegaskan keputusan untuk menyemak semula hukuman yang dikenakan terhadap Anwar 'perlu dilakukan oleh mahkamah dan dengan itu apabila beliau memutuskan untuk mengemukakan rayuan, rayuannya didengar.'

Menyatakan yang 'tidur beliau tidak akan terganggu' dengan pembebasan Anwar, Dr Mahathir berkata, dalam proses undang-undang di Malaysia, selepas seseorang itu dihadapkan ke mahkamah, ia akan diikuti dengan perbincangan dan mereka yang didapati bersalah boleh merayu terhadap sabitan di Mahkamah Rayuan.

"Sekiranya gagal, seseorang itu boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan dan peringkat terakhir ialah Lembaga Rayuan yang dipengerusi-

kan oleh Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Dr Mahathir berkata, malah beliau telah menjelaskan prosedur itu kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan yang pernah meminta beliau agar membebaskan Anwar, dan lain-lainnya.

Beliau berkata, malah ada yang mencadangkan kepada beliau supaya Anwar dibuang negeri ke Arab Saudi, dan 'bermacam-macam cadangan.' Dr Mahathir berkata beliau sentiasa menegaskan yang: "Saya tidak mempunyai kuasa."

Mengenai kenyataan yang menyatakan bahawa perkembangan pada hari ini menunjukkan kini wujud kebebasan badan kehakiman, Dr Mahathir berkata ketika di bawah pimpinannya juga wujud kebebasan

badan kehakiman apabila parti politik yang dipimpinnya selaku Perdana Menteri diisytiharkan haram.

"Mahkamah juga membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan," katanya.

Mengulas kenyataan Anwar semalam yang beliau tidak mempunyai perasaan dendam terhadap bekas Perdana Menteri itu, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir (bahawa) beliau seorang yang sungguh baik hati."

Ditanya mengenai pandangan beliau terhadap senario politik negara terutama Umno, ekoran bekas Timbalan Presiden Umno itu telah dibebaskan dari penjara, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak lagi terlibat dalam politik, dan apa yang berlaku dari sekarang, tiada kena mengena lagi dengan saya." - Bernama